

29/06/1998

Pemimpin perlu beri ruang berdialog

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemimpin perlu memberi ruang yang lebih luas untuk berdialog dengan pelajar institusi pengajian tinggi mengenai isu semasa bagi meningkatkan kematangan pelajar sebagai generasi pelapis.

Pengerusi Gabungan Mahasiswa Islam, Zaharuddin Abdul Rahman, berkata adalah lebih berkesan jika pelajar diberi peluang dan ruang yang lebih untuk berbincang dengan pemimpin.

"Sebelum ini kami hanya merujuk kepada ahli akademik di institusi pengajian tinggi untuk mendapat penjelasan mengenai isu semasa. Kesediaan pemimpin berdialog membantu kami memahami isu sebenar," katanya.

Beliau mengulas saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemimpin pelajar berbincang dan merujuk kepada mereka yang berpengalaman dan pengetahuan dalam menguruskan sesuatu perkara.

Ketika sesi dialog dalam seminar Kepemimpinan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam kelmarin, Perdana Menteri meminta pemimpin pelajar institusi pengajian tinggi supaya sentiasa menilai dan memahami isu semasa supaya tidak terpengaruh dengan unsur negatif yang boleh menggugat kestabilan negara.

Sambil menyambut baik saranan Perdana Menteri, Zaharuddin berkata, lebih ramai pemimpin perlu mengikut jejak Dr Mahathir, manakala masa yang lebih lama harus diberi untuk pelajar mendapat penjelasan.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya, Wan Jamizan Wan Abdul Rahman, berpendapat pelajar negara ini tidak akan bertindak seperti pelajar di Indonesia yang membuat reformasi secara drastik bagi penukaran pucuk pimpinan kerana pemimpin negara ini memberi ruang berbincang dengan pelajar.

(END)